

Laporan Kewangan Rakyat merupakan penjenamaan semula bagi Laporan Laksana yang diterbitkan oleh Kementerian Kewangan secara mingguan sejak April 2020.



*YB Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Aziz
merasmikan sambutan Hari Belia Negara
Peringkat Negeri Selangor Tahun 2022
13 Ogos 2022*

YB TENGKU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL AZIZ Menteri Kewangan Malaysia

Ulasan Isu Semasa

Kenali Penerima Manfaat Minggu Ini

Pengekalan & Penjanaan Pekerjaan

Pemeriksaan Perniagaan

Inisiatif - Inisiatif Lain

LAPORAN
Ke-107

18 Ogos 2022

KDNK SUKU KEDUA 2022: USAHA & DASAR KERAJAAN TERBUKTI DALAM MEMULIHKAN EKONOMI NEGARA

Seperti yang diumumkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) baru-baru ini, ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 8.9% pada suku kedua (S2) tahun 2022, berbanding 5.0% yang dicatat pada suku pertama (S1) tahun ini serta 3.6% semasa suku keempat (S4) 2021.

Pertumbuhan KDNK sebanyak 8.9% adalah lebih kukuh berbanding prestasi ekonomi beberapa negara maju dan serantau, seperti seperti China (0.4%), Amerika Syarikat (1.6%), Kesatuan Eropah (4.0%), Korea (2.9%) Singapura (4.4%), Indonesia (5.4%), Thailand (2.5%) dan Filipina (7.4%).

Sepanjang S2 2022, KDNK bulanan pula terus berkembang bagi bulan April (5.6%), Mei (5.0%) dan Jun (16.5%).

Dengan pencapaian tersebut, pertumbuhan bagi separuh tahun pertama 2022 adalah 6.9% dan jangkakan suku ketiga (S3) terus kukuh. Justeru, Kerajaan yakin ekonomi Malaysia mampu mencapai unjuran KDNK rasmi 2022, iaitu di antara 5.3% dan 6.3%.

Perkembangan S2 2022 yang memberangsangkan ini antara lain adalah hasil daripada dasar fiskal yang mengembang melalui Bajet 2022, limpahan daripada pakej bantuan dan rangsangan ekonomi dan Bajet 2021, serta dasar monetari yang kekal akomodatif.

Dengan pembukaan semula ekonomi dan sempadan antarabangsa sepenuhnya, perbelanjaan isi rumah dan perniagaan terus melonjak, menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi di mana penggunaan swasta meningkat sebanyak 18.3% (berbanding S1 2022: 5.5%).

Selain itu, pertumbuhan S2 2022 juga disokong oleh pemulihan pasaran buruh yang berterusan dan peningkatan permintaan dalam dan luar negara, terutamanya melalui sektor perkhidmatan dan pembuatan.

Kadar pengangguran juga terus menurun pada 3.8% pada bulan Jun 2022, paras terendah semenjak COVID-19 melanda negara, jika dibandingkan dengan kadar tertinggi 5.3% pada bulan Mei 2020.

Jumlah perdagangan luar juga meningkat sebanyak 28.2% kepada RM1.36 trilion berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Eksport meningkat 26.1% kepada RM739.13 bilion, manakala import berkembang 30.9% kepada RM616 bilion. Lebihan dagangan pula bertambah 6.7% kepada RM123.13 bilion. Ini merupakan nilai separuh tahun yang tertinggi direkodkan bagi perdagangan, eksport, import dan lebihan dagangan.

Pelaburan langsung asing (FDI) bersih terus mencatatkan nilai positif berjumlah RM17.3 bilion pada suku kedua 2022. Sektor pembuatan, aktiviti kewangan dan insurans/takaful serta sektor perdagangan borong dan runcit telah menarik sebahagian besar daripada aliran masuk FDI terutamanya dari Amerika Syarikat (AS) dan Singapura. Secara keseluruhan, jumlah FDI bersih adalah RM41.7 bilion bagi separuh pertama 2022. (S1 2022: RM24.4 bilion, S2 2022: RM17.3 bilion).

Bagi pasaran modal dan kewangan Malaysia pula, FBM KLCI terus menarik pelabur runcit dan asing. Semenjak awal tahun sehingga 16 Ogos, aliran masuk bersih dana asing terkini mencatatkan jumlah RM7.4 bilion, manakala pelabur runcit pula telah merekodkan pembelian bersih berjumlah RM1.8 bilion.

Oleh itu, Kerajaan yakin momentum yang positif ini mencerminkan keyakinan pelabur asing untuk terus melabur di Malaysia. Kerajaan juga kekal proaktif dengan langkah berjaga-jaga terutamanya terhadap ketidakstabilan politik dan ekonomi global yang mampu memberi impak terhadap pertumbuhan ekonomi negara.

Melangkah ke hadapan, Kementerian Kewangan sedang giat menyediakan Bajet 2023 melalui pelbagai sesi libat urus bersama seluruh Keluarga Malaysia bagi memastikan ia memanfaatkan semua rakyat.

Antara fokus Bajet 2023 termasuklah pengurusan subsidi yang lebih mampan, usaha pembaharuan ekonomi, serta memperkukuhkan daya tahan negara terhadap sebarang kejutan pada masa hadapan.

RAKYAT DIJEMPUT MEMBERI MAKLUMBALAS BERKAITAN PROGRAM SUBSIDI BERSASAR

Baru-baru ini, Kementerian Kewangan telah menerbitkan Tinjauan Umum berkaitan Program Subsidi Bersasar. Ini adalah bagi persediaan dan perancangan Bajet 2023, di mana maklum balas yang diterima akan dijadikan sebagai input dalam memastikan subsidi yang disediakan Kerajaan dapat memanfaatkan kumpulan bersasar sepenuhnya.

Oleh itu, semua pihak dijemput untuk memberi maklumbalas sebelum atau pada 30 Ogos 2022 melalui laman web <https://budget.mof.gov.my/bajet2023/kertaskonsultasi/>

Subsidi serta bantuan tunai tahun ini adalah yang terbesar di dalam sejarah. Unjuran subsidi bagi tahun ini sahaja boleh mencecah RM80 bilion. Pemberian subsidi ini dimanfaatkan bukan sahaja oleh golongan B40, tetapi juga golongan M40 dan T20. Sehubungan itu, terdapat keperluan melaksanakan program rasionalisasi subsidi untuk memberikan tumpuan kepada kumpulan bersasar.

Dari segi bantuan tunai pula, Bantuan Keluarga Malaysia merupakan bantuan tunai terbesar dengan peruntukan sebanyak RM8 bilion, jika dibandingkan Bantuan Rakyat 1 Malaysia sebanyak RM6.3 bilion dan Bantuan Sara Hidup pula sebanyak RM5 bilion.

SESI LIBAT URUS TIMBALAN MENTERI KEWANGAN I BERSAMA PENGUSAHA INAP DESA DI PAHANG



*YB Dato' Indera Mohd Shahar Abdullah
12 Ogos 2022*

Timbalan Menteri Kewangan I, YB Dato' Indera Mohd Shahar Abdullah telah berkesempatan mengadakan sesi libat urus Bajet 2023 bersama para pengusaha inap desa dan industri hiliran pelancongan di Janda Baik, Pahang.

Sejak ditubuhkan sehingga tahun 2019, program inap desa telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari masyarakat luar bandar dengan pendaftaran sebanyak 219 buah perkampungan yang mana mempunyai sebanyak 4,210 buah rumah yang mempunyai sejumlah 5,956 buah bilik di seluruh Malaysia.

Melalui lawatan sesi libat urus terbabit, Kementerian Kewangan telah mendengar pelbagai pandangan, keluh kesah dan idea-idea baharu yang boleh dibawa ke peringkat kementerian untuk dimasukkan sebagai input Bajet 2023. Di bawah Bajet 2022, Kerajaan telah memperuntukkan RM30 juta untuk pemberian geran padanan kepada pemilik inap desa berdaftar untuk memperbaiki kondisi dan fasiliti hotel atau inap desa.

DNB: TELCO DIBERI MASA HINGGA 31 OGOS UNTUK SETUJU SYARAT 5G

Enam syarikat telekomunikasi utama negara (Celcom, DiGi, YTL dan Telekom Malaysia, Maxis dan U Mobile), telah bersetuju untuk mendapatkan pegangan saham melalui kertas terma tidak mengikat (non-binding term sheet) terhadap rangkaian 5G borong tunggal (single wholesale network) di bawah Digital Nasional Berhad (DNB).

Kerajaan kini memberi masa sehingga 31 Ogos kepada enam syarikat tersebut untuk bersetuju dengan jumlah yang perlu dibayar bagi mendapatkan akses kepada rangkaian 5G.

BAJET 2022: PASARAN KARBON SUKARELA (VOLUNTARY CARBON MARKET ATAU “VCM”) AKAN DILANCARKAN PADA AKHIR 2022

Bursa Malaysia akan melancarkan Pasaran Karbon Sukarela (VCM) menjelang akhir tahun 2022, dengan tujuan meningkatkan ketelusan dan memudahkan syarikat-syarikat membeli kredit karbon secara sukarela untuk mengimbangi impak perubahan iklim oleh badan korporat. Pasaran baharu ini akan menggalakkan pelaburan dalam projek yang menjana kredit karbon kualiti tinggi, di samping meningkatkan kesedaran kelestarian.

Bursa Malaysia akan mengguna pakai Verified Carbon Standard, juga dikenali sebagai Verra, untuk memastikan integriti kredit karbon yang dipasarkan. VCM berfungsi sebagai pemacu penting dalam merealisasikan aspirasi pelepasan GHG (gas rumah hijau) sifar-bersih Malaysia, serta menyokong komitmen iklim sukarela dan perjalanan penyahkarbonan sektor swasta seiring dengan usaha perancangan yang diterapkan oleh pihak Kerajaan terhadap prinsip kemampanan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) di bawah Bajet 2022 (Strategi 1: Agenda Kelestarian), bagi mencapai objektif Malaysia sebagai sebuah negara neutral karbon seawal tahun 2050.

Bursa Malaysia merancang untuk menawarkan produk kredit karbon piawaian untuk didagangkan. VCM akan berlandaskan peraturan, dan menawarkan beberapa kategori produk kredit karbon berasaskan teknologi atau alam semula jadi yang mengurangkan atau menghilangkan pelepasan gas rumah hijau ke atmosfera.

SKIM JAMINAN KREDIT PERUMAHAN MEMBAWA SINAR BAHARU BUAT MEREKA YANG TIADA PEKERJAAN TETAP



Edisi Laporan Kewangan Rakyat kali ini menampilkan Encik Eikhmal Daniel bin Roshazam Helmy, 24 tahun, penerima manfaat melalui Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) di bawah Bajet 2022.

Encik Eikhmal telah berazam untuk menjadi tulang belakang buat keluarganya dengan menyediakan sebuah rumah yang selesa buat mereka. Namun, permohonan beliau untuk memiliki rumah pertama sukar untuk diluluskan oleh pihak bank kerana tiada pekerjaan yang tetap dan umur beliau yang masih muda.

Ini tidak mematahkan semangat beliau, malah terus berusaha untuk mencari jalan. Alhamdulillah, akhirnya beliau berjaya memiliki rumah pertama yang selesa buat keluarganya apabila permohonan beliau diluluskan melalui SJKP dan mendapat bantuan daripada Bank Muamalat.

SJKP adalah sebuah skim bertujuan untuk membantu pembeli rumah pertama yang tidak mempunyai pendapatan tetap seperti pekerja ekonomi gig dan bebas, pemilik perniagaan, peniaga atau usahawan kecil. Pembiayaan adalah sehingga RM400,000 dengan jaminan 100%.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai skim ini, layari Portal Manfaat Bajet: <https://budget.mof.gov.my/manfaat/faq/sjkp.html>.

PENGEKALAN & PENJANAAN PEKERJAAN

DANA SKIM PEMBIAYAAN PERKASA TVET 1.0

Dalam RMK-12, Kerajaan telah mengenal pasti Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (atau TVET) sebagai salah satu pemacu perubahan bagi memenuhi permintaan pekerja oleh industri kita dengan lebih baik. Bagi memperkasa bidang TVET, Kerajaan melalui Bajet 2022 telah menyediakan peruntukan berjumlah RM6.6 bilion untuk melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah Kementerian dan agensi-agensi berkaitan. Antaranya adalah Skim Pembiayaan Perkasa TVET 2022 dengan peruntukan berjumlah RM100 juta khusus bagi membantu mereka yang ingin menguasai kemahiran baru atau meningkatkan kemahiran sedia ada untuk memenuhi keperluan industri.

Program Latihan TVET merupakan program kemahiran jangka pendek (kurang daripada 6 bulan) termasuk secara program penuh atau modular atau Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) atau bergantung kepada permintaan majikan/industri di bawah Persijilan Kemahiran Malaysia (PKM), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Penyedia Latihan Awam (PLA)/ Penyedia Latihan Swasta (PLS) digalakkan menawarkan kursus latihan secara "value added" bagi meningkatkan kebolehpasaran pelatih. Pelatih yang layak akan diberi penempatan pekerjaan atau peluang peningkatan kerjaya terlebih dahulu oleh majikan dan menjalani latihan di PLA/PLS berdasarkan kepada konsep "Place and Train".

Pemohonan masih dibuka bagi semua warganegara Malaysia yang berumur 15 hingga 45 tahun. **Setakat 31 Julai 2022**, seramai **172 pelatih telah berjaya diluluskan** bagi program ini. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang Kementerian Kewangan Bajet 2022 <https://budget.mof.gov.my/manfaat/faq/perkasa-tvet.html>.

PROGRAM PENJANA KPT-PACE

Melalui Inisiatif 4: Menjana dan Mengekalkan Pekerjaan, di dalam Bajet 2022 PENJANA, KPT-PACE merupakan program peningkatan kemahiran dan pengukuhan kompetensi pelajar tahun akhir dan graduan 2022 melalui persijilan profesional berasaskan kepakaran dan kompetensi mengikut bidang yang diceburi. Inisiatif KPT-PACE yang diperuntukkan sebanyak RM150 juta ini terbuka kepada:

IPTA	IPTS	JPPKK
Warganegara Malaysia	Warganegara Malaysia	Warganegara Malaysia
Pelajar tahun akhir yang mengikuti pengajian di peringkat Diploma/Sarjana Muda/Sarjana di Universiti Awam	Pelajar tahun akhir Institusi Pendidikan Tinggi Swasta	Pelajar tahun akhir Politeknik dan Kolej Komuniti
Graduan 2022 peringkat pengajian Diploma, Sarjana Muda atau Sarjana lepasan Universiti Awam	Graduan 2022 peringkat pengajian Sarjana/Sarjana Muda/Diploma/Sijil lepasan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta	Graduan 2022 peringkat pengajian Sarjana Muda/Diploma/Sijil lepasan Politeknik dan Kolej Komuniti
Belum ditawarkan sebarang program di bawah PENJANA	Belum ditawarkan sebarang program di bawah PENJANA	Belum ditawarkan sebarang program di bawah PENJANA
Pelajar Sarjana yang tidak bekerja sahaja dibenarkan mengikuti program ini	Untuk pelajar Sarjana, hanya mereka yang tidak bekerja sahaja layak dipertimbangkan	

KPT-PACE dikendalikan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mensasarkan 45 ribu graduan dengan pemberian baucar tunai berjumlah RM3,000 disediakan bagi para pelajar yang mengikuti kursus. Walaubagaimanapun, tempoh latihan adalah tertakluk kepada kursus yang diikuti. **Setakat 5 Ogos 2022**, baucer tunai bernilai **RM21.902 juta** telah disalurkan kepada **6,799 pelajar tahun akhir dan graduan** melalui persijilan profesional berasaskan kepakaran. Permohonan boleh dilakukan melalui pautan berikut **<https://kptpace.mohe.gov.my/Identity/Account/Login>**. Untuk maklumat lanjut, sila layari Laman Rasmi Bajet 2022 Kementerian Kewangan di pautan: **<https://budget.mof.gov.my/manfaat/faq/kpt-pace.html>**.

PENERAJU SKILL 2.0 & PENERAJU TEKNOLOGI

Bagi memastikan permintaan industri dipenuhi, Program Peneraju Skill 2.0 dan Peneraju Teknologi yang diumumkan di bawah Bajet 2022 dengan peruntukan RM70 juta telah diperbaharui dengan objektif mempertingkatkan bilangan golongan Bumiputera profesional bertauliah seperti di dalam bidang perakaunan, kewangan, dan sektor kejuruteraan yang terpilih. Peneraju Teknologi bertujuan mempertingkatkan bilangan golongan Bumiputera di dalam bidang Teknologi Digital di dalam sektor berpendapatan tinggi, kritikal, atau industri baru (emerging industries) bagi industri berkaitan Revolusi Industri (IR) 4.0.

Peneraju Skill 2.0 dan Peneraju Teknologi di bawah seliaan Yayasan Peneraju mensasarkan lebih 3 ribu pemohon bagi inisiatif ini di mana bantuan yang ditawarkan adalah pembiayaan penuh, separa atau secara one-off yang melibatkan yuran latihan dan peperiksaan, setelah pemohon diterima masuk ke dalam program. Di samping itu, pelepasan cukai bagi perbelanjaan menghadiri kursus peningkatan kemahiran atau kemajuan turut ditingkatkan kepada RM2,000 sehingga 2023 manakala pelepasan cukai yang dikenakan ke atas yuran kursus dengan mana-mana badan profesional yang diluluskan sehingga RM7,000.

PEMOHON	PENERAJU SKILL 2.0	PENERAJU TEKNOLOGI
Pelajar tahun akhir universiti	<i>Boilerman</i>	<i>Data Analyst</i>
Graduan baru	<i>Industrial Automation</i>	<i>Data Engineer</i>
SKM 4 atau Lulusan SPM	<i>Quality Assurance Technician</i>	<i>Data Scientist</i>
Golongan bekerja	<i>Sheet Metal Fabrication</i>	<i>Cloud Computing/Solutions</i>
Golongan tidak bekerja	<i>Automotive Industry Engineering</i>	<i>Cybersecurity</i>
	<i>System Integration</i>	<i>SAP</i>
	<i>CAD/CAM Specialist</i>	<i>Digital Marketing</i>
	<i>Fiber Optic & Network Installer</i>	<i>Data Labeling for Future AI</i>
	<i>Port Young Engineer</i>	<i>Deep Learning</i>
	<i>Port Planner</i>	<i>Hyperledger Fabric Developer</i>
	<i>Chargeman (L1, L3, A4 and B0)</i>	<i>Amazon Web Services</i>
	<i>Wireman (1st & 2nd Grade, PW3, PW4)</i>	<i>Cisco Certified Network Associate</i>
	<i>Production Technician</i>	
	<i>Solar PV Installation & Maintenance</i>	
	<i>Safety & Health Officer</i>	

Tempoh masa latihan tertakluk kepada subprogram yang diluluskan iaitu di antara 3 hingga 18 bulan dan dibuka permohonan turut dibuka sehingga Disember 2022. **Setakat 5 Ogos**, sebanyak **400 peserta** telah diluluskan bagi Program Peneraju Skill 2.0 manakala **38 peserta** telah diluluskan bagi Program Peneraju Teknologi. Untuk maklumat lanjut, sila layari Laman Rasmi Bajet 2022 Kementerian Kewangan dan Yayasan Peneraju di pautan <https://budget.mof.gov.my/manfaat/faq/peneraju-skill.html> dan <https://yayasanpeneraju.com.my/program/peneraju-skill/>

FIT4WORK OLEH INVESTKL

InvestKL Fit4Work ialah program latihan bakat di bawah Pakej PENJANA mahupun Bajet 2022 untuk meningkatkan set kemahiran penting graduan muda Malaysia yang diperlukan untuk Industri Perkhidmatan Global. InvestKL, merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) di samping memainkan peranan sebagai sebuah Agensi Penggalakan Pelaburan yang memberi tumpuan untuk menarik syarikat multinasional menubuhkan hab serantau dan menjalankan aktiviti serantau di wilayah Kuala Lumpur. Objektif inisiatif ini adalah untuk meningkatkan elemen kemahiran insaniah dari segi kemahiran pengurusan, kemahiran ilmu pengetahuan, kemahiran asas dan kemahiran teknikal IR4.0 untuk para graduan baru.

Fit4Work adalah program yang disediakan selama 2 tahun untuk graduan muda Malaysia meningkatkan kemahiran penting yang diperlukan oleh industri perkhidmatan, melalui tempoh latihan yang akan diberikan selama 3 bulan. Permohonan dibuka sehingga Disember 2022, mengikut kriteria berikut:

- Warganegara Malaysia
- Graduan ijazah universiti awam dan swasta yang berumur di antara 18-30 tahun. dan bersedia untuk bekerja
- Tidak menyertai mana-mana program latihan PENJANA (Reskilling & Upskilling) atau Bajet 2022 yang lain
- CGPA sebanyak 2.8 dan ke atas
- Kemahiran berbahasa Inggeris - MUET Band 4, IELTS Band 7 dan ke atas
- Aktif dalam aktiviti kurikulum dan mempunyai bakat kepimpinan

Fokus utama industri program adalah bertunjangkan Pusat Perniagaan ASEAN/Serantau, Perkhidmatan Perniagaan Global, Ekonomi Digital, Revolusi Perindustrian 4.0, Teknologi Hijau, Tenaga Boleh Diperbaharui, Pusat Kecemerlangan, Pusat Perkhidmatan Kongsi, Industri Kandungan, E-dagang, Logistik, Pengangkutan & Mobiliti. Pemohon yang berkelayakan akan menerima elaun bayaran sebanyak RM 2,000, disamping kontrak perkerjaan selama 1 tahun bersama syarikat yang terlibat. **Setakat ini 5 Ogos 2022**, sebanyak **549 peserta** telah ditempatkan melalui program Fit4Work tersebut. Untuk maklumat lanjut, sila layari Laman Rasmi Bajet 2022 Kementerian Kewangan dan InvestKL di pautan <https://budget.mof.gov.my/manfaat/faq/miti-fit4work.html> dan <https://www.investkl.gov.my/initiatives/talent-programmes/fit4work>.

MALAYSIA SHORT-TERM EMPLOYMENT PROGRAMME (MySTEP)



MySTEP PENGENALAN | PERMOHONAN | INFO



**PELUANG PEKERJAAN
UNTUK KELUARGA MALAYSIA**

MOHON DI SINI

Di bawah Bajet 2022, MySTEP menawarkan 80,000 peluang pekerjaan secara kontrak merangkumi 50,000 pekerjaan dalam sektor awam dan 30,000 pekerjaan dalam GLC dan rakan-rakan strategik mulai Januari 2022. Pemohon MySTEP tersebut akan ditempatkan di pelbagai Kementerian dan Agensi seperti Kementerian Kewangan, Kementerian Pengajian Tinggi, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia. Bagi GLC pula, permohonan telah ditempatkan di organisasi seperti PETRONAS, Permodalan Nasional Berhad, KWSP dan Khazanah Nasional.

Pada tahun lepas, MySTEP telah berjaya mencapai sasaran keseluruhan 50,000 peluang pekerjaan bagi tahun 2021 dengan menempatkan seramai 63,221 peserta. Dari jumlah ini, seramai 41,680 peserta telah berjaya ditempatkan di sektor awam manakala 21,541 peserta pula ditempatkan di GLC dan rakan-rakan strategik mereka. Bagi tahun ini pula **setakat 5 Ogos 2022**, seramai **40,095 personel** telah berjaya ditempatkan melalui program ini. Daripada jumlah ini, seramai **20,773 orang personel** peserta telah ditempatkan di sektor awam manakala **19,322 orang personel** peserta pula berjaya ditempatkan di GLC dan rakan-rakan strategik mereka.

Bagi memastikan tempat buat anak muda OKU menceburi bidang pekerjaan, Kerajaan juga telah menyediakan kuota khas sebanyak 1% peluang penempatan untuk program MySTEP kepada golongan OKU. Kerajaan amat menggalakkan agar warga OKU turut mengambil kesempatan ini dan memohon penyertaan melalui Portal MySTEP di pautan **<https://mystep.mof.gov.my>**. Untuk maklumat lanjut berhubung MySTEP atau inisiatif Kerajaan lain, sila layari Laman Rasmi Bajet 2022 Kementerian Kewangan di pautan **<https://budget.mof.gov.my/manfaat/>**

SKIM PERLINDUNGAN SOSIAL KHIDMAT

Kerajaan melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menyediakan bantuan penuh caruman di mana pembiayaan caruman sepenuhnya (100%) di bawah Pelan Caruman 2 dan 4 dengan tempoh perlindungan selama 12 bulan kepada Orang Bekerja Sendiri (OBS). Di bawah inisiatif ini, kumpulan sasar yang dikhususkan kepada 4 kategori pekerja iaitu Anggota Pasukan Sukarelawan, Perkhidmatan Rumah Ibadat Islam (JAKIM), Penyelia dan Petugas Pemulihan Komuniti dan Anggota Sektor Awam.

Perkara	Pelan Caruman 2 (RM232.80 setahun)	Pelan Caruman 4 (RM592.80 setahun)
Sumbangan Kerajaan	100%	
Faedah Perubatan	Rawatan perubatan di klinik panel/ hospital kerajaan PERKESO dan membuat tuntutan penggantian perbelanjaan yang dikeluarkan	
Faedah Hilang Upaya Sementara (HUS)	80% daripada RM1,550 (setiap cuti sakit berkelayakan menerima RM41.33 sehari)	80% daripada RM3,950 (setiap cuti sakit berkelayakan menerima RM105.33 sehari)

Permohonan individu boleh dibuat melalui agensi pentadbiran masing-masing manakala permohonan secara pukal perlu dikemukakan kepada bahagian SPS PERKESO melalui spsfaedah@perkeso.gov.my untuk proses pendaftaran lanjut. **Setakat 7 Ogos 2022**, sebanyak **58,479 OBS** telah mencarum bagi skim ini dengan nilai kutipan sebanyak **RM14.177 juta**. Untuk maklumat lanjut, sila layari

<https://budget.mof.gov.my/manfaat/en/faq/sps-khidmat.html>

SPS PADANAN CARUMAN

Kerajaan telah menyediakan bantuan padanan caruman sebanyak 80% di bawah Pelan 2 (RM232.80) di mana hanya 20% (RM46.60) sahaja perlu dibayar oleh kumpulan sasaran Orang Bekerja Sendiri (OBS). Kumpulan sasar di bawah SPS Padanan Caruman ini dikhususkan kepada lapan kategori berikut:

Kumpulan Sasaran OBS	
SPS Asal	<ul style="list-style-type: none"> Orang Asli (Semenanjung) Orang Asal (Sabah dan Sarawak) yang bekerja di bawah 20 sektor
SPS Gig	Orang yang bekerja sendiri menggunakan aplikasi digital di bawah syarikat pengantara di bawah 20 sektor
SPS Jaja	Sektor Penjana (Pasar, Gerai/ Kiosk dan Food Truck)
SPS Lain Upaya	Orang Kurang Upaya yang Bekerja sendiri di bawah 20 sektor
SPS Lancong	Sektor Pelancongan termasuklah homestay, ejen pelancongan dan sebagainya
SPS Seni	Sektor kesenian yang terdiri daripada artis, penyanyi, pelakon, penari, kru produksi, kraftangan, pelukis dan sebagainya
SPS Tani	Sektor Pertanian, Sektor Perikanan (termasuk akuakultur), Sektor Penternakan dan Sektor Perhutanan
SPS Usahawanita	Wanita yang bekerja di bawah 20 sektor

Manakala berikut merupakan 20 sektor yang dilindungi di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja Sendiri:

Pengangkutan Penumpang	Pengangkutan dan Penghantar Barangan
Pertanian	Penternakan
Perhutanan	Perikanan
Pembuatan	Makanan
Penjaja	Pembinaan
Perniagaan Dalam Talian	Premis Penginapan
Pemprosesan Data	Teknologi Maklumat
Perkhidmatan Profesional	Ejen
Kesenian	Perkhidmatan Sokongan
Sektor Penjagaan, Perawatan dan Pemulihan Kesihatan	Perkhidmatan Isi Rumah

Setakat 7 Ogos 2022, sebanyak **196,906 OBS** telah pun mencarum dengan jumlah kutipan keseluruhan sebanyak **RM45.756 juta**. Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://budget.mof.gov.my/manfaat/en/faq/sps-padanancaruman.html>


PROGRAM RESKILLING AND UPSKILLING VETERAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (PRUV-ATM)

Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM15 juta di bawah Bajet 2022 bagi Program Peningkatan Kemahiran dan Latihan Semula khusus untuk pesara tentera melalui Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT). Program ini dilaksanakan untuk menambahbaik status sosio-ekonomi veteran di mana veteran akan dilatih untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dimiliki bagi sektor pekerjaan dan keusahawanan yang diceburi.

Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang layak memohon ialah veteran yang telah menjalani Latihan Peralihan antara tahun 2015 hingga 2021. **Sehingga 31 Julai 2022**, seramai **8,891 veteran ATM** ini telah memanfaatkan program ini. Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://budget.mof.gov.my/manfaat/faq/pruv-atm.html>

PROGRAM SUBSIDI UPAH 1.0 (PSU 1.0)

Di bawah Pakej PRIHATIN, Program Subsidi Upah (PSU) adalah bantuan kewangan yang dibayar kepada majikan setiap perusahaan bagi setiap pekerja tempatan yang bergaji RM4,000 dan ke bawah. Subsidi sehingga RM1,200 sebulan tersebut akan diberikan untuk tempoh 3 bulan bagi membantu majikan yang terkesan dari segi ekonomi akibat COVID-19 supaya dapat meneruskan operasi syarikat serta mengelakkan pekerja hilang pekerjaan dan punca pendapatan. Program tersebut dilanjutkan untuk 3 bulan tambahan di bawah Pakej PENJANA dan secara keseluruhannya, subsidi yang diberikan kepada majikan adalah untuk tempoh 6 bulan. **Setakat 29 Julai 2022**, seramai **322,177 majikan** dan **2.640 juta pekerja** telah menerima manfaat PSU di bawah PRIHATIN dan PENJANA di mana permohonan subsidi upah yang diluluskan telah pun mencapai nilai **RM12.958 bilion**.




*Jumlah kumulatif

*Jumlah majikan dan pekerja kekal pada takat maksima. Namun, pembayaran dibuat secara berfasa dan berterusan untuk memastikan bahawa hanya perusahaan yang layak sahaja menerima subsidi tersebut

PROGRAM SUBSIDI UPAH 2.0 (PSU 2.0)


Di bawah Pakej Kita PRIHATIN pula, bantuan subsidi upah tersebut dilanjutkan untuk 3 bulan tambahan bagi majikan sedia ada yang menerima PSU manakala bantuan PSU selama 6 bulan diberikan kepada semua permohonan antara 1 Oktober 2020 hingga 31 Disember 2020. **Setakat 29 Julai 2022**, sejumlah **RM1.408 bilion** telah disalurkan kepada **81,165 majikan** untuk terus beroperasi dan mengekalkan penggajian bagi **719,185 pekerja**.



*Jumlah kumulatif

PROGRAM SUBSIDI UPAH 3.0 (PSU 3.0)

Di bawah Belanjawan 2021 dengan peruntukan sebanyak RM1.5 bilion, Kerajaan telah melanjutkan pelaksanaan PSU selama 3 bulan lagi dengan lebih bersasar, khususnya bagi sektor pelancongan termasuk sektor peruncitan dengan kadar RM600 sebulan bagi pekerja bergaji RM4,000 dan ke bawah. **Setakat 29 Julai 2022**, sebanyak **RM3.776 bilion** telah disalurkan kepada **162,317 majikan** untuk mengekalkan penggajian bagi **1,528,215 pekerja**.




*Jumlah kumulatif

PSU 3.0 turut ditambahbaik dengan Pakej Bantuan PERMAI, PEMERKASA dan PEMERKASA+ seperti berikut:

Peruntukan	Tarikh Permohonan	Sektor Sasaran	Tempoh Subsidi Upah
Belanjawan 2021 (PSU 3.0 Bersasar)	1 Januari 2021 – 30 Jun 2021	Sektor Pelancongan & Runcit	3 bulan tambahan bagi majikan sedia ada 6 bulan bagi permohonan baru
PSU 3.0 PERMAI	19 Januari 2021 – 30 Jun 2021	Semua sektor di negeri PKP	1 bulan sahaja
PEMERKASA (PSU 3.0 PEMERKASA)	1 April 2021 – 30 Jun 2021	Sektor Pelancongan & Runcit Serta Perniagaan lain yang ditutup semasa PKP 2.0	3 bulan tambahan bagi majikan sedia ada dan baru
PEMERKASA+	1 Jun 2021 – 31 Julai 2021	Semua Sektor	1 bulan tambahan bagi majikan sedia ada dan baru


PROGRAM SUBSIDI UPAH 4.0 (PSU 4.0)

Di bawah Pakej PEMULIH pula, Kerajaan telah melaksanakan PSU 4.0 dengan peruntukan sebanyak RM3.8 bilion yang dijangka memanfaatkan 2.5 juta pekerja. Melalui PSU 4.0, Kerajaan akan menampung sehingga 500 pekerja bagi setiap majikan dengan kadar sebanyak RM600 setiap pekerja selama tempoh empat bulan, iaitu 2 bulan bagi semua sektor dalam fasa kedua PPN dan dua bulan seterusnya khusus bagi sektor-sektor yang dikategorikan dalam senarai negatif semasa tempoh fasa ketiga nanti. Had gaji RM4,000 juga telah dilonggarkan yang membolehkan majikan untuk memohon PSU 4.0 bagi pekerja yang bergaji lebih dari RM4,000. **Setakat 29 Julai 2022**, sebanyak **RM2.577 bilion** telah disalurkan kepada **163,970 majikan** untuk terus beroperasi dan mengekalkan penggajian bagi **1,923,551 pekerja**.



PROGRAM SUBSIDI UPAH 5.0 (PSU 5.0)

Dengan peruntukan sebanyak RM600 juta di bawah Bajet 2022, Kerajaan melalui PERKESO akan meneruskan pelaksanaan Program Subsidi Upah bersasar kepada pengusaha pelancongan yang mengalami penurunan pendapatan sekurang-kurangnya 30% daripada jumlah jualan atau pendapatan pada bulan Oktober 2021 sehingga Disember 2021 berbanding mana-mana bulan pada tahun 2019 sehingga 2021 sebelum penularan wabak COVID-19. Permohonan telahpun ditutup pada 31 Mac 2022 namun majikan dari sektor dan aktiviti industri yang tidak tersenarai tetapi masih terjejas akibat penularan COVID-19 masih boleh mengemukakan rayuan secara atas talian kepada PERKESO. **Setakat 29 Julai 2022**, sebanyak **RM216.719 juta** telah disalurkan kepada **8,014 majikan** untuk terus beroperasi dan mengekalkan penggajian bagi **122,437 pekerja**. Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://www.perkeso.gov.my/bajet-2022/sip-bajet-2022.html>.










Secara keseluruhannya, Kerajaan telah menyalurkan sebanyak **RM20.936 bilion** kepada **357,929 majikan** melalui Program Subsidi Upah bagi mengekalkan penggajian **2,959,095 pekerja tempatan** dalam usaha untuk mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan pekerja warganegara Malaysia.

PROTÉGÉ READY-TO-WORK

Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs (PROTÉGÉ) merupakan inisiatif Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) untuk melaksanakan program-program peningkatan kebolehpasaran dan memupuk kemahiran keusahawanan dalam kalangan graduan. Antara program-program yang dianjurkan oleh PROTÉGÉ adalah Program Protégé Ready-to-Work yang menyediakan peluang penempatan latihan selama 8 hingga 12 bulan. Syarikat yang mengambil bahagian dalam program ini seperti Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) serta syarikat-syarikat penerima perolehan Kerajaan di bawah Pekeliling Perbendaharaan (PK1.2). Program ini juga menawarkan modul latihan berkaitan keusahawanan untuk memupuk semangat keusahawanan di kalangan graduan. Pada tahun lepas, sebanyak **4,611 graduan** telah berjaya ditempatkan melalui program Ready-to-work manakala sebanyak **4,674 graduan** baharu telah pun ditempatkan bagi tahun ini **setakat 5 Ogos 2022**. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web PROTEGE di <http://protege.gov.my/www/index.php>

PROGRAM KEMAHIRAN DAN PENINGKATAN KEMAHIRAN PENJANA

Pada tahun lepas, seramai **151,505 peserta** telah diluluskan untuk mengambil bahagian dalam program-program yang disediakan. Senarai kursus-kursus yang mendapat permintaan boleh dilihat melalui pautan Kementerian Kewangan. Selain itu, pemohon juga boleh layari laman sesawang agensi-agensi Kerajaan seperti yang dimaklumkan di dalam laporan bertulis, untuk mendapatkan maklumat mengenai kursus-kursus yang ditawarkan. Bagi mereka yang sedang mencari pekerjaan terutamanya golongan belia, anda semua dijemput menyertai kursus-kursus ini.

Kementerian/Agensi	Program / Skim / Inisiatif				
 <p>Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) (www.penjanahrdf.com.my)</p>	SME Development	Industrial Revolution 4.0 (IREV4.0)	Place & Train	Gerak Insan Gemilang (GIG)	B40 Development
 <p>Kementerian Pembangunan, Usahawan dan Koperasi (MEDAC) (https://www.medac.gov.my)</p>	INSKEN Business Training	Program Mikro Connector			
 <p>Majlis Amanah Rakyat (MARA) (http://penjana.mara.gov.my/)</p>	Modul Khas Penjagaan Kesihatan dan Keselamatan Kebiasaan Baharu	Building Internal Entrepreneur Capabilities by Engaging e-Commerce Bespoke Programme (e-entrepreneur) – Training e-Commerce Platform	Building Capabilities and Providing Jobs Through Competencies/ Short Courses Programme		
 <p>East Coast Economic Region Development Council (ECER) (https://www.ecerd.com.my/penjana/Website/index.html)</p>	ETEP Enhanced Train & Place (PENJANA)				
 <p>Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) (https://www.ncer.com.my/jomkerja_jomniaga/)</p>	JomNiaga@ NCER	JomKerja@ NCER			
 <p>Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) (http://www.motac.gov.my/)</p>	Pembangunan Kemahiran Komuniti				
 <p>Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) (https://great.mohe.gov.my)</p>	Program Ekonomi Gig	Program Keusahawanan			

Kerajaan melalui pelbagai Kementerian dan Agensi Kerajaan akan meneruskan usaha latihan dan peningkatan kemahiran bagi tahun 2022 dengan **peruntukan keseluruhan berjumlah RM1.1 bilion** yang menyasarkan **220 ribu peluang pekerjaan**. Antara inisiatif yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

Latihan dan Peningkatan Kemahiran	Agensi	Sasaran
HRDC	HRDC	36,000
Koridor Wilayah	Koridor	16,000
PRUV-ATM	PERHEBAT	5,000
SLDN Plus	JPK	10,000
KPT-CAP	KPT	20,000
KPR-PACE	KPT	45,000
TVET Training	JPPKK	25,000
MITI Reskilling	MITI	24,000
MDEC	MDEC	12,000
Upskilling for Deeptech and Future Skills	MOSTI	5,000
Peneraju Skill dan Peneraju Teknologi	JPM	3,000
Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri	FMSDC	5,000
PERKASA TVET	PTPK	13,000
Program Inkubator Graduan Kreatif	MyCreative Ventures	1,000
	JUMLAH	220,000

Kementerian Kewangan dan Kementerian Sumber Manusia juga telah diberi tanggungjawab menyediakan 'single window' bagi memastikan program latihan dan peningkatan kemahiran yang dijalankan pelbagai kementerian dan agensi dilaksanakan dengan efektif dan optimum. Untuk maklumat lanjut berhubung Program Latihan dan Peningkatan Latihan yang disediakan oleh Kerajaan, sila layari laman sesawang UpSkillMalaysia di <https://upskillmalaysia.gov.my/>

CAREER ADVANCEMENT PROGRAMME (KPT-CAP)

Kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi telah memperuntukkan sebanyak RM100 juta bagi menjayakan program KPT-CAP (Career Advancement Programme) atau Program Peningkatan Kerjaya sebagai usaha untuk menangani isu graduan menganggur. Program peningkatan kemahiran ini adalah hasil kerjasama pelbagai Kementerian, Agensi serta pihak industri bagi melahirkan graduan berketerampilan untuk memenuhi pasaran kerja yang bersesuaian.

Program ini dilaksanakan melalui 3 aliran utama iaitu Place and Train, Latihan Keusahawanan serta latihan penyediaan bagi Ekonomi Gig. Place and Train ialah program latihan kompetensi bersasar kepada peserta sebelum memulakan pekerjaan yang ditawarkan oleh industri manakala Latihan Keusahawanan menyasarkan penubuhan syarikat pemula dari kalangan graduan. Peserta yang turut menyertai latihan keusahawanan turut berupaya mendapatkan bantuan pembiayaan kewangan daripada institusi perbankan dan agensi Kerajaan seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), TEKUN Nasional, Amanah Ikhtiar Malaysia dan sebagainya. Aliran terakhir adalah Ekonomi Gig iaitu program latihan kompetensi yang mampu membantu peserta untuk menjana pendapatan melalui ekonomi Gig atau aktiviti berbentuk freelancing.

Graduan yang turut menyertai program ini akan dibiayai sepenuhnya untuk menjalani satu daripada tiga sub program yang bernilai sehingga RM5,000 untuk setiap peserta. Tambahan pula, setiap permohonan akan ditapis melalui sistem Single Window, Single Offer di mana latihan yang ditawarkan adalah bergantung kepada jurusan yang diambil semasa di universiti. Peserta yang terlibat akan dijamin pekerjaan untuk tempoh masa antara 6 hingga 12 bulan dengan gaji yang ditetapkan sekitar RM2,000 hingga RM2,500. Pada tahun lepas, sebanyak **19,266 graduan** telah mendapat peluang pekerjaan melalui program KPT-CAP.

Dalam usaha Kerajaan untuk menangani isu graduan menganggur, Kerajaan akan meneruskan inisiatif KPT-CAP dengan sasaran untuk menawarkan 20,000 peluang pekerjaan kepada golongan graduan bagi tahun 2022. **Setakat 5 Ogos 2022**, KPT-CAP telah berjaya menempatkan **5,832 graduan** bagi tahun ini. Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://great.mohe.gov.my/>


SKIM PERANTISAN NASIONAL

Skim Perantisan Nasional (SPN) adalah sebuah skim perantisan yang dilaksanakan di bawah Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Sumber Manusia serta Agensi-agensi persekutuan di bawah ketiga-tiga kementerian tersebut.

Skim yang berkonsepkan “*Place and Train*” ini memberi jaminan peluang pekerjaan kepada belia sebagai perantis di pelbagai syarikat dan organisasi yang terlibat. SPN juga menyediakan sistem sokongan dengan memberi pengalaman kepada belia serta meningkatkan pengetahuan dan kemahiran golongan belia melalui latihan soft-skill dan on-the-job training. Melalui SPN, para belia bakal dilatih bagi meningkatkan kebolehpasaran, memperoleh peluang untuk diserap terus dalam pekerjaan dan memperoleh pendapatan. Pada tahun lepas, seramai **14,990 warga belia** telah berjaya mendapat peluang pekerjaan melalui SPN. Pada tahun ini **setakat 5 Ogos 2022**, seramai **5,960 belia** baharu telah pun berjaya ditempatkan dengan menggunakan Insentif Penggajian JaminKerja PERKESO khusus buat golongan perantis. Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://perantisan.kbs.gov.my/kriteria.php>

MYDIGITALWORKFORCE IN TECH (MYWiT)

Sejajar dengan program celik digital dan peningkatan kemahiran, Kerajaan dengan kerjasama Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) telah memperkenalkan inisiatif MyDigitalWorkforce in Tech (MYWiT) untuk menambahbaik kemahiran dan keupayaan pekerja Malaysia dengan menggalakkan syarikat untuk mengambil pekerja Malaysia bagi pekerjaan teknologi dan perkhidmatan digital melalui insentif gaji dan subsidi kursus latihan. Insentif yang disediakan adalah subsidi sebanyak 40% daripada gaji bulanan selama 6 bulan, terhad kepada gaji minimum sebanyak RM2,000 dengan insentif maksimum sebanyak RM2,600 sebulan manakala subsidi kursus latihan yang ditawarkan adalah sehingga RM8,000 seorang. **Setakat 31 Julai 2022**, program MYWiT ini telah menerima **4,209 permohonan** dan daripada jumlah tersebut, seramai **1,195 peserta** telah pun berjaya ditempatkan dalam pekerjaan teknologi dan perkhidmatan digital. Untuk maklumat lanjut, sila layari pautan <https://mdec.my/ms/mywit/>



*Jumlah kumulatif

KEMUDAHAN PERALIHAN RENDAH KARBON (LCTF)

Bagi menyokong matlamat Kerajaan dalam mencapai pelepasan karbon sifar bersih (net-zero emission) pada tahun 2050, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) digalakkan menerapkan amalan kelestarian bagi meningkatkan daya tahan perniagaan. Kemudahan Peralihan Rendah Karbon (Low Carbon Transition Facility, LCTF) yang bermula pada 3 Februari 2022 merupakan satu kemudahan pembiayaan yang diperuntukkan sebanyak RM1 bilion di bawah strategi 1, Amalan Rendah Karbon di dalam Bajet 2022.

Pemohonan boleh dilakukan oleh PKS daripada semua sektor yang komited untuk beralih ke arah operasi perniagaan rendah karbon dan lestari. Amalan kelestarian ini termasuk tetapi tidak terhad kepada aktiviti, termasuk:

- Mendapatkan pensijilan kelestarian
- Meningkatkan penggunaan bahan yang diakui lestari dalam aktiviti pengeluaran
- Menambahbaik kecekapan tenaga bangunan dan peralatan
- Memasang peralatan jana kuasa tenaga boleh baharu di premis

Pemohon PKS perlu menghubungi mana-mana institusi kewangan peserta LCTF bagi menyemak kelayakan di bawah kemudahan ini. Semua permohonan pembiayaan adalah tertakluk kepada penilaian oleh institusi kewangan pemohon, senarai bank kewangan pemohon boleh disemak melalui pautan berikut

https://www.bnm.gov.my/documents/20124/2294076/lctf2022_bm_fi.pdf. Pecahan peruntukkan dibawah inisiatif LCTF adalah seperti berikut:

Perkara	Penerangan
Jumlah Pembiayaan Maksimum	Sehingga RM10 juta bagi setiap PKS
Tempoh Pembiayaan	Sehingga 10 tahun
Kadar Pembiayaan	Maksimum 5.0% setahun termasuk fi jaminan

Setakat 6 Julai 2022, terdapat **26 permohonan** bagi pembiayaan ini, dan daripada jumlah tersebut sebanyak **12 PKS telah diluluskan** dengan jumlah pembiayaan sebanyak **RM11.713 juta**. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang Kementerian Kewangan di pautan seperti berikut <https://budget.mof.gov.my/manfaat/faq/bnm-lctf.html> dan https://www.bnm.gov.my/documents/20124/2294076/lctf2022_bm_faq.pdf

PROGRAM USAHAWAN LEPASAN INSTITUSI PENDIDIKAN MARA/ BELIA

Dalam menyokong usaha kerajaan dalam melahirkan lebih banyak usahawan kecil dinamik dari generasi muda, Majlis Amanah Rakyat (MARA) menyediakan kemudahan pembiayaan dengan **kadar keuntungan sebanyak 0%** kepada perniagaan mikro bagi sektor seperti peruncitan dan perkhidmatan keculi sektor pertanian dan penternakan. Kemudahan ini disediakan khusus bagi golongan belia yang telah menjalankan perniagaan tidak kurang dari tiga (3) bulan dan telah mengikuti latihan industri atau program inkubator di Institusi Pendidikan MARA (IPMa) manakala had pembiayaan yang disediakan adalah sebanyak RM10,000 dengan tempoh pembiayaan sehingga 3 tahun. **Setakat 22 Julai 2022**, sebanyak **RM3.909 juta** permohonan telah diluluskan bagi **448 usahawan baharu**. Untuk maklumat lanjut, sila layari https://www.mara.gov.my/bm/menu_keusahawanan/kemudahan-sokongan/pembiayaan-perniagaan/putra/#tab-id-1

PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN TEKNIKAL (PUTEK)

Bagi mewujudkan usahawan baharu dalam bidang teknikal yang berasaskan kepada kemahiran yang dimiliki, MARA juga menyediakan kemudahan pembiayaan dengan **kadar keuntungan sebanyak 0%** bagi usahawan yang mempunyai Ijazah/ Diploma atau Sijil Kemahiran Teknikal daripada Institusi Pendidikan MARA yang telah menjalankan perniagaan sepenuh masa tidak kurang dari enam (6) bulan dan tidak melebihi lima (5) tahun. Skop pembiayaan yang disediakan sehingga RM500,000 adalah untuk pembelian mesin dan peralatan manakala modal pusingan yang disediakan bagi usahawan muda adalah 60% pembiayaan dengan 40% geran (sekiranya bayaran adalah baik). **Setakat 22 Julai 2022**, sebanyak **RM2.768 juta** telah disalurkan kepada **36 usahawan teknikal MARA**. Untuk maklumat lanjut, sila layari https://www.mara.gov.my/bm/menu_keusahawanan/kemudahan-sokongan/pembiayaan-perniagaan/putek/#tab-id-7

SKIM PEMBIAYAAN PERNIAGAAN KHAS WANITA (DanaNITA)

Kerajaan telah memperuntukkan dana pembiayaan sebanyak RM230 juta antaranya melalui program Skim Pembiayaan Perniagaan Khas Wanita (DanaNITA) di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan TEKUNITA menerusi Tekun Nasional bagi membantu usahawan Wanita yang terkesan akibat COVID-19 selain meningkatkan kapasiti perniagaan mereka. Bagi MARA, DanaNITA menyediakan pembiayaan bagi modal pusingan mahupun pembelian mesin dan peralatan sehingga RM150,000.00 dengan kadar sebanyak 3.5%. **Setakat 22 Julai 2022**, sebanyak **RM10 juta** telah pun diluluskan bagi membantu **265 usahawan wanita**. Untuk maklumat lanjut, sila layari


https://www.mara.gov.my/bm/menu_keusahawanan/kemudahan-sokongan/pembiayaan-perniagaan/dananita/

PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN PROFESIONAL (ProSPEC)

Program Pembangunan Usahawan Profesional (ProSPEC) yang diperkenalkan oleh MARA kini memberi peluang kepada golongan profesional seperti doktor untuk menceburi bidang keusahawanan dan memahami selok-belok perniagaan berdasarkan kepakaran dimiliki mereka. Skim pembiayaan ini menyediakan pembiayaan kepada golongan profesional yang diiktiraf dan berdaftar sebagai ahli badan profesional yang berkenaan dengan had pembiayaan sehingga RM500,000 bagi modal pusingan, pembelian mesin, peralatan mahupun ubah suai premis perniagaan. **Setakat 22 Julai 2022**, sebanyak **RM3.25 juta** telah diluluskan bagi **11 ahli profesional** untuk menceburi bidang keusahawanan. Pemohon haruslah mempunyai pengalaman bekerja dalam bidang profesional yang berkaitan mengikut tempoh dan kriteria tertentu yang ditetapkan oleh MARA. Untuk maklumat lanjut, sila layari https://www.mara.gov.my/bm/menu_keusahawanan/kemudahan-sokongan/pembiayaan-perniagaan/prospec/

SKIM JAMINAN PRIHATIN DANAJAMIN (DPGS)

Skim Jaminan Prihatin DanaJamin (DPGS) yang diperkenalkan oleh Kerajaan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin (PRIHATIN) menyediakan kemudahan skim jaminan berjumlah RM50 bilion dengan jaminan sehingga 80% daripada jumlah pinjaman bagi tujuan membiayai modal kerja. Skim ini disasarkan kepada perniagaan yang berdaya maju dalam semua sektor yang menghadapi kesukaran akibat penularan wabak COVID-19. Di bawah Belanjawan 2021, program ini turut dilanjutkan di mana syarat-syaratnya turut ditambah baik. **Setakat 5 Ogos 2022**, sebanyak **92 syarikat telah memohon** untuk DPGS di mana jumlah jaminan yang telah diluluskan adalah sebanyak **RM2.095 bilion** bagi **62 buah syarikat**. Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://belanjawan2021.treasury.gov.my/manfaat/index.php/bm/dpgs>



*Jumlah kumulatif

- i) Malayan Banking Berhad;
- ii) CIMB Bank Berhad;
- iii) OCBC Bank (Malaysia) Berhad;
- iv) Alliance Bank Malaysia Berhad;
- v) AmBank (M) Berhad;
- vi) Hong Leong Bank Berhad;
- vii) United Overseas Bank (Malaysia) Bhd;
- viii) Affin Bank Bhd/ Affin Hwang Investment Bank Berhad;
- ix) RHB Bank Berhad;
- x) Bangkok Bank Berhad; dan
- xi) MIDF Amanah Investment Bank Bhd.

Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia (BNM) juga telah menyediakan kemudahan pembiayaan tambahan atau yang ditambah baik bagi memberikan bantuan dan menyokong pemulihan PKS sebanyak RM4.5 bilion. Penambahan ini meningkatkan jumlah dana yang tersedia pada pertengahan bulan September 2021 kepada RM11.2 bilion.

KEMUDAHAN BANTUAN DAN PEMULIHAN BERSASAR (TRRF)

Kemudahan pinjaman bernilai RM6 bilion ini ditambah sebanyak RM2 bilion kepada RM8 bilion bagi membantu PKS yang terjejas dalam sektor perkhidmatan. Kini di bawah TRRF yang dipertingkatkan, PKS boleh menggunakan hingga 30% daripada pembiayaan yang diluluskan untuk membayar balik pembiayaan perniagaan sedia ada (iaitu pembiayaan semula). Saiz pembiayaan yang ditawarkan adalah sehingga RM500,000 bagi setiap PKS manakala RM75,000 bagi perusahaan mikro dengan kadar faedah sehingga 3.5% setahun termasuk fi jaminan. Tempoh bayaran balik pembiayaan ini adalah sehingga 7 tahun beserta moratorium sekurang-kurangnya selama 6 bulan. **Setakat 6 Julai 2022**, terdapat **41,978 jumlah permohonan** di mana **RM7.150 bilion** telah berjaya disalurkan kepada **26,119 PKS**.

Kemudahan yang ditawarkan pada kadar sehingga 3.5% setahun ini tersedia melalui institusi kewangan peserta, dengan perlindungan jaminan oleh Credit Guarantee Corporation (CGC) atau Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP). Kemudahan ini tersedia hingga 30 Jun 2022 atau setelah peruntukan digunakan sepenuhnya.

KEMUDAHAN PERTANIAN PEMAKANAN (AF)

Seperti yang diumumkan dalam pembentangan Bajet 2022, Kerajaan akan terus memacu pemodenan sektor pertanian dalam usaha untuk meningkatkan jaminan dan keselamatan makanan serta menjana pendapatan lebih tinggi dan menarik lebih ramai generasi muda agropreneur. Sehubungan dengan itu, Kemudahan Pertanian Pemakanan (AF) yang disediakan oleh BNM turut ditambah sebanyak RM500 juta menjadikan jumlah peruntukan keseluruhan sebanyak RM2 bilion bagi menyediakan akses pembiayaan kepada PKS untuk meningkatkan pengeluaran agromakanan negara dan untuk eksport. Kemudahan yang disediakan bagi perbelanjaan modal, pembangunan projek agromakanan dan modal kerja dengan had pembiayaan sebanyak RM5 juta ini ditawarkan pada kadar sehingga 3.75% setahun bersama tempoh pembiayaan sehingga 8 tahun. **Setakat 28 Jun 2022**, terdapat **3,020 permohonan** di mana **2,268 permohonan** telah berjaya diluluskan bernilai **RM1.784 bilion**. Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://www.bnm.gov.my/covid19>

SKIM PEMBANGUNAN USAHAWAN MASYARAKAT INDIA (SPUMI)

Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI) adalah satu inisiatif strategik Kerajaan di bawah TEKUN untuk membantu masyarakat India mempertingkatkan ekonomi menerusi penglibatan dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Bagi masyarakat India yang ingin menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan keusahawanan serta mereka yang ingin memajukan lagi perniagaan sedia ada, nilai pembiayaan yang disalurkan adalah dari RM1,000 sehingga RM100,000 bagi setiap usahawan mengikut kelayakan. Tempoh bayaran balik pembiayaan adalah sehingga 120 bulan (10 tahun) pada kadar 4% setahun. Program ini telah diberi peruntukan sebanyak RM20 juta, di mana RM5 juta adalah daripada Belanjawan 2021 manakala penambahan sebanyak RM15 juta adalah daripada Pakej PERMAI dan kini, diteruskan bagi tahun baharu 2022. Bagi tahun ini sahaja **Setakat 22 Julai 2022**, **RM21.72 juta** telah berjaya disalurkan kepada **919 PKS Mikro**. Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://www.tekun.gov.my/ms/usahawan-tekun/skim-pembangunan-usahawan-masyarakat-india-spumi-2/>


PEMBIAYAAN SEKTOR PELANCONGAN PENJANA (PENJANA *TOURISM FINANCING*)

Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM600 juta bagi PKS dan PKS Mikro yang masih terkesan dengan penularan COVID-19. **Setakat 6 Julai 2022**, terdapat **793 permohonan** bagi pembiayaan ini, dan daripada jumlah ini sebanyak **421 permohonan** telah diluluskan dengan jumlah pembiayaan sebanyak **RM88.1 juta**. Untuk maklumat lanjut, sila layari https://www.bnm.gov.my/documents/20124/2294076/FAQ%20PENJANA%20Tourism%20Financing_BM.pdf

Maklumat Tambahan Daripada BNM:

RM400 juta daripada dana asal RM1 bilion diperuntukkan semula bagi:

- Penubuhan Kemudahan Bantuan Bencana (DRF) untuk mengurangkan beban kewangan dan memulihkan operasi perniagaan PKS yang terjejas akibat banjir; dan
- Kemudahan Automasi Digital PKS (ADF) untuk memberi insentif kepada PKS untuk mengautomasikan proses dan mendigitalkan operasi untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan.



*Jumlah kumulatif

INISIATIF - INISATIF LAIN

PAKEJ PERJALANAN My50

Kerajaan melalui Prasarana Malaysia Berhad (PRASARANA) telah memperuntukkan sebanyak RM115 juta sebagai pembayaran subsidi untuk menampung kos ditanggung PRASARANA dalam menyediakan inisiatif pas perjalanan tanpa had yang mengurangkan tambang biasa RM200 kepada RM50 sebulan. Pas perjalanan tanpa had yang terbuka kepada semua warganegara Malaysia ini boleh digunakan untuk perkhidmatan rel dan bas kendalian PRASARANA di Lembah Klang dan di Pulau Pinang. Pembelian My50 ini boleh dibuat di semua Pejabat Khidmat Pelanggan Rapid KL yang terletak di semua stesen LRT, MRT, Monorel, BRT dan Hab Bas Rapid KL serta Kiosk Rapid Penang yang tertentu. Untuk maklumat lanjut berhubung pas perjalanan tanpa had ini, sila layari


<https://myrapid.com.my/ms/resources/faqs/>

PROGRAM SUSTAINABILITY ACHIEVED VIA ENERGY EFFICIENCY (SAVE 3.0)

SAVE 3.0 merupakan sebuah program di bawah Sustainable Energy Development Authority (SEDA) yang menyediakan rebat sehingga RM400 bagi pembelian mana-mana peralatan rumah berlabel cekap tenaga 4 atau 5 bintang oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) pada tahun 2022. Objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang faedah dan amalan penggunaan kelengkapan cekap tenaga mahupun mengurangkan pelepasan gas rumah hijau akibat penjimatan penggunaan tenaga. Untuk maklumat lanjut, sila layari pautan agensi SEDA di <http://www.seda.gov.my/saveprogram/>

SOKONGAN BAGI SEKTOR SENI, BUDAYA DAN HIBURAN

Bagi Inisiatif Pemulihan CENDANA, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM10 juta yang dijangka akan memanfaatkan 3,000 penerima daripada kalangan seniman dan organisasi di dalam sektor seni dan budaya Malaysia. Penerima akan menerima saiz geran yang berbeza bergantung kepada permohonan dan program yang disasarkan. **Setakat 29 Julai 2022**, terdapat **1,582 permohonan** jumlah permohonan bagi inisiatif ini di mana sebanyak **RM7.73 juta** telah disalurkan kepada **590 pemohon**. Para penggiat industri kreatif adalah disaran untuk menggunakan peluang kemudahan yang disediakan dan boleh memohon bantuan dari kedua-dua agensi berkaitan dengan melayari www.mycreative.com.my/penjana dan www.cendana.com.my untuk maklumat lanjut.



*Jumlah kumulatif